



CUKAI PERKHIDMATAN

**PANDUAN:
PERKHIDMATAN BERCUKAI
DIIMPORT**

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

9 Januari 2019

Penerbitan

Tarikh: 9 Januari 2019.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2019 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

Pengenalan.....	1
Terminologi.....	1
Pengenaan dan Skop Cukai Perkhidmatan.....	2
Pembayaran Cukai Perkhidmatan	3
Nilai Bercukai & Pengiraan Cukai.....	3
Pembayaran Cukai oleh Orang Berdaftar Cukai Perkhidmatan	5
Pembayaran Cukai oleh Orang Tidak Berdaftar Cukai	
Perkhidmatan	5
Penalti Lewat Bayar.....	7
Pemakaian Perenggan 3, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan	
Cukai Perkhidmatan 2018.....	8
Tanggungjawab Orang Tidak Berdaftar Cukai Perkhidmatan	
.....	8
Soalan-Soalan Lazim.....	9
Pertanyaan.....	11
Bantuan Selanjutnya dan Informasi Berkaitan SST.....	11

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang dipanggil "perkhidmatan bercukai".
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai yang melebihi nilai ambang yang ditetapkan perlu didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai "orang berdaftar" yang dikehendaki mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang dibekalkan kepada pelanggannya.
4. Namun demikian, bagi perkhidmatan diimport, perkhidmatan bercukai yang diimport adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Panduan ini disediakan untuk membantu perniagaan memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diimport.

TERMINOLOGI

5. Bagi maksud panduan ini:
 - (i) "**Perkhidmatan Bercukai**" ertinya apa-apa perkhidmatan yang ditetapkan sebagai perkhidmatan bercukai di bawah Seksyen 8, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Jadual pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018)
 - (ii) "**Perkhidmatan Bercukai Diimport**" (PBD) ertinya apa-apa perkhidmatan bercukai yang diperoleh oleh mana-mana orang di Malaysia daripada mana-mana orang yang berada luar Malaysia di bawah Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 .
 - (iii) "**Kawasan Ditetapkan**" (KD) adalah Labuan, Langkawi dan Tioman. (Seksyen 47, Akta Cukai Perkhidmatan 2018);

- (iv) “**Kawasan Khas**” (**KK**) adalah mana-mana zon bebas, gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen serta Kawasan Pembangunan Bersama (KPB) (Seksyen 52, Akta Cukai Perkhidmatan 2018).
- (v) “**Orang yang berkaitan**” adalah sepertimana yang dimaksudkan dalam peraturan 4, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN

6. Seksyen 7 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 telah dipinda dan digantikan dengan seksyen berikut:

“Pengenaaan dan skop cukai pekhidmatan

7. Suatu cukai yang dikenali sebagai cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas –

- (a) mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau
- (b) mana-mana perkhidmatan bercukai diimport.”

7. Mulai 1 Januari 2019, PBD adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

8. Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan di Malaysia (termasuk di dalam KD atau KK) yang memperolehi perkhidmatan bercukai dari mana-mana pemberi perkhidmatan dari luar Malaysia perlu membayar cukai perkhidmatan.

9. Bagi tujuan panduan ini, terma “mana-mana orang” adalah merujuk kepada perniagaan samada berdaftar atau tidak berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

10. PBD adalah mana-mana perkhidmatan yang ditetapkan sebagai perkhidmatan bercukai di dalam Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, dan pemberi perkhidmatan luar Negara memberi perkhidmatan yang berkaitan

dengan barang, tanah atau apa-apa perkara yang berhubungan dengan Malaysia kepada mana-mana orang di Malaysia.

PEMBAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN

Nilai Bercukai & Pengiraan Cukai

11. Pindaan telah dibuat ke atas sub seksyen 9 (1) iaitu:

“ (d) dalam hal perkhidmatan bercukai diimport, nilai perkhidmatan bercukai diimport itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.”

12. Nilai perkhidmatan bercukai yang diimport adalah sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan 4A, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 iaitu:

(1) Nilai perkhidmatan bercukai yang diimport adalah seperti yang berikut:

(a) jika perkhidmatan bercukai yang diimport diperoleh oleh seseorang di Malaysia yang tidak berkaitan dengan orang yang berada di luar Malaysia –

(i) dalam hal premium bagi polisi insurans atau sumbangan takaful bagi sijil takaful, premium atau sumbangan takaful sebenar yang dibayar; atau

(ii) dalam hal perkhidmatan bercukai yang diimport selain yang dinyatakan dalam sub perenggan (i), nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang diimport itu; atau

(b) jika perkhidmatan bercukai yang diimport diperoleh oleh seseorang di Malaysia yang berkaitan dengan orang yang berada di luar Malaysia, nilai perkhidmatan bercukai yang diimport itu jika diperoleh dalam perjalanan biasa perniagaan oleh orang itu yang tidak berkaitan dengan orang yang berada di luar Malaysia.

(2) Peraturan 4 hendaklah terpakai bagi subperaturan (1) bagi maksud menentukan orang yang berkaitan dengan orang yang berada di luar Malaysia.

13. Pengiraan cukai bagi PBD adalah sepertimana contoh-contoh yang diberi:

Contoh 1

Syarikat A telah dikenakan bayaran sebanyak USD1,000.00 oleh pemberi perkhidmatan dari Amerika Syarikat.

Cukai perkhidmatan yang perlu dibayar oleh syarikat A adalah:

$$6 \% \times \$1,000.00 = \$60$$

Bagi tujuan pengiraan cukai perkhidmatan dalam ringgit, kadar pertukaran jualan matawang yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia hendaklah digunakan.

Contoh 2

Syarikat B memperolehi perkhidmatan dari pemberi perkhidmatan di German. Invois jualan sebanyak RM5,000.00 dikeluarkan kepada syarikat B oleh wakil syarikat German yang berada di Malaysia.

Cukai perkhidmatan yang perlu dibayar oleh syarikat B adalah:

$$6 \% \times \text{RM}5,000.00 = \text{RM}300.00$$

14. Seksyen 11(1) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 menyatakan Cukai perkhidmatan yang boleh dikenakan di bawah seksyen 7, hendaklah menjadi genap masa

(b) dalam hal perkhidmatan bercukai diimport, pada masa pembayaran dibuat atau invoice diterima bagi perkhidmatan itu, mana-mana yang lebih awal.

15. Cukai perkhidmatan keatas PBD adalah genap masa pada tarikh pembayaran dibuat kepada pemberi perkhidmatan atau pada tarikh invoice diterima bagi perkhidmatan berkenaan, yang mana terdahulu. Bagi maksud tarikh invoice diterima, ia merujuk kepada tarikh dimana invoice berkenaan direkod dalam perakaunan syarikat.

Contoh 3

Unit IT Syarikat A menerima invoice dari pemberi perkhidmatan luar negara pada 1 Mar 2019 untuk perkhidmatan yang akan diberi pada 20 Mar 2019. Setelah invoice tersebut disahkan oleh pengurus unit IT, ianya diserahkan kepada bahagian akaun untuk tujuan bayaran pada 27 Mar 2019. Tarikh 27 Mar 2019 dianggap sebagai tarikh invoice diterima.

Pembayaran Cukai oleh Orang Berdaftar Cukai Perkhidmatan

16. Selaras dengan Seksyen 26, Akta Cukai Perkhidmatan 2018, orang berdaftar cukai perkhidmatan perlu mengikrar cukai keatas PBD yang genap masa mengikut tempoh bercukai di dalam borang SST-02. Nilai PBD hendaklah diikrar secara berasingan di bahagian B1 borang SST-02 dengan menggunakan kod khas untuk PBD.

17. Penyata SST-02 perlu dikemukakan dan bayaran perlu dibuat tidak lewat daripada hari terakhir bulan selepas berakhirnya tempoh bercukai. Untuk tempoh bercukai berubah di bawah seksyen 25(3)(c), Akta Cukai Perkhidmatan 2018, penyata hendaklah dikemukakan dan bayaran hendaklah dibuat dalam masa 30 hari dari berakhirnya tempoh bercukai yang diubah itu.

Pembayaran Cukai oleh Orang Tidak Berdaftar Cukai Perkhidmatan

18. Seksyen 26A Akta Cukai Perkhidmatan 2018 menyatakan cara dan tanggungjawab ke atas mengemukakan penyata dan membayar cukai perkhidmatan

yang genap masa dan kena dibayar oleh orang selain orang kena cukai.

19. Orang tidak berdaftar cukai perkhidmatan hendaklah mengikrar cukai perkhidmatan keatas PBD yang genap masa dengan menggunakan borang SST-02A. Bayaran pula boleh dibuat secara elektronik (MySST) atau dengan kaedah cek atau draf bank yang dipos ke Pusat Pemprosesan Kastam (CPC) di Kelana Jaya. Sila rujuk panduan penyata SST-02A untuk keterangan lanjut pengikraran.

20. Penyata SST-02A dan bayaran cukai perlu dibuat tidak lewat daripada hari terakhir bulan selepas berakhirnya bulan yang pembayaran bagi PBD itu telah dibuat olehnya atau invoice telah diterima olehnya, yang mana terdahulu.

Contoh 4

Syarikat A (bukan orang berdaftar Cukai Perkhidmatan) telah bersetuju untuk mendapatkan perkhidmatan dari pemberi perkhidmatan USACo di Amerika Syarikat. Syarikat A telah membayar wang pendahuluan 10% dari nilai perkhidmatan sebanyak RM5,000,000.00 pada 1 Mac 2019. Perkhidmatan oleh USACo akan bermula 15 Mac 2019 dan berakhir pada 14 Jun 2019.

- *Cukai perkhidmatan yang perlu dibayar oleh syarikat A adalah:
 $RM500,000.00 \times 6\% = RM30,000.00$*
- *Syarikat A hendaklah mengemukakan penyata SST-02A dan membayar cukai sebanyak RM30,000.00 sebelum atau pada 30 April 2019.*

Contoh 5

Syarikat A kemudiannya diminta membayar RM1,000,000.00 kepada USACo pada 15 April 2019.

- *Cukai perkhidmatan yang perlu dibayar oleh syarikat A adalah:*

$$RM1,000,000.00 \times 6\% = RM60,000.00$$

- *Syarikat A hendaklah mengemukakan penyata SST-02A dan membayar cukai sebanyak RM60,000.00 sebelum atau pada 31 Mei 2019.*

Contoh 6

Pada 16 Jun 2019 USACo telah mengeluarkan invoice RM5,000,000.00 kepada Syarikat A. Invoice tersebut diterima pada 23 Jun 2019 dan direkodkan kedalam akaun pada 30 Jun 2019. Syarikat A kemudiannya membayar baki RM3,500,000.00 kepada USACo pada 15 Ogos 2019.

- *Cukai perkhidmatan yang perlu dibayar oleh syarikat A adalah:
 $RM3,500,000.00 \times 6\% = RM210,000.00$*
- *Syarikat A hendaklah mengemukakan penyata SST-02A dan membayar cukai sebanyak RM210,000.00 sebelum atau pada 31 Julai 2019 (berdasarkan cukai genap masa pada tarikh invoice diterima).*

Penalti Lewat Bayar

21. Kelewatan membayar cukai perkhidmatan oleh mana-mana orang dari tarikh akhir yang ditetapkan akan menyebabkan penalti dikenakan seperti berikut .

Bilangan Hari Lewat	Kadar Penalti
30 hari pertama	10%
30 hari kedua	15%
30 hari ketiga	15%

Pemakaian Perenggan 3, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018

22. Secara prinsipnya Perenggan 3A, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah tidak terpakai ke atas PBD. Ini bermakna semua PBD yang diperolehi dari syarikat luar Negara dalam kumpulan syarikat adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

23. Walaubagaimanapun melalui surat kelulusan Kementerian Kewangan dengan kuasa Menteri Kewangan di bawah subseksyen 34(3), Akta Cukai Perkhidmatan 2018, memberi

- (i) pengecualian dari pembayaran cukai perkhidmatan kepada mana-mana syarikat di Malaysia yang mengimport perkhidmatan bercukai dari syarikat luar negara yang merupakan syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama bagi perkhidmatan bercukai dalam butiran (a),(b),(c),(d),(e),(f),(g),(h) atau (i) daripada Kumpulan G, Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018; dan
- (ii) syarat-syarat sedia ada di bawah Perenggan 4,5,6,7 dan 8, Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 yang terpakai bagi melayakkan layanan cukai perkhidmatan yang dibekalkan oleh syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama adalah kekal dan tidak berubah.

TANGGUNGJAWAB ORANG TIDAK BERDAFTAR CUKAI PERKHIDMATAN

24. Selaras dengan Seksyen 24(5A), Akta Cukai Perkhidmatan 2018, orang tidak berdaftar yang dalam menjalankan perniagaannya dan memperoleh PBD adalah wajib menyimpan semua rekod yang berkaitan dengan PBD tersebut.

25. Kesemua rekod itu hendaklah disimpan dan dipelihara dalam tempoh tujuh (7) tahun dan ia mestilah disimpan di Malaysia. Rekod-rekod ini hendaklah disimpan di dalam Bahasa Kebangsaan atau Bahasa inggeris.

SOALAN-SOALAN LAZIM

- 1. S : Pekerja syarikat A memperolehi perkhidmatan penginapan hotel di luar negara. Adakah syarikat A perlu membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan tersebut?**

J : Perkhidmatan penginapan di luar negara bukanlah satu perkhidmatan bercukai yang diimport. Oleh itu ia tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- 2. S : Adakah orang yang tidak berdaftar Cukai Perkhidmatan perlu membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diimport?**

J : Ya, mana-mana orang di Malaysia yang menjalankan perniagaan dan memperolehi perkhidmatan bercukai yang diimport adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan walaupun orang tersebut tidak berdaftar Cukai Perkhidmatan.

- 3. S : Syarikat ABC Sdn Bhd mengimport perkhidmatan IT dari syarikat di United Kingdom pada 1 Disember 2018 dan menerima invois dari syarikat tersebut pada 15 Januari 2019. Adakah ABC Sdn. Bhd perlu membayar cukai perkhidmatan?**

J : Syarikat ABC Sdn Bhd tidak perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan memandangkan perkhidmatan tersebut diperolehi sebelum tarikh perkhidmatan bercukai diimport berkuatkuasa.

- 4. S : Syarikat DEF (tidak berdaftar cukai perkhidmatan) memperolehi perkhidmatan bercukai diimport bermula dari 1 November 2018 dan menjangkau sehingga 30 Oktober 2019. Invois ke atas perkhidmatan tersebut telah diterima pada 15 Oktober 2018 dan bayaran dibuat secara berkala setiap bulan mulai 1 November 2018. Adakah syarikat DEF perlu membayar cukai perkhidmatan keatas perkhidmatan tersebut?**

- J : Syarikat DEF perlu membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diimport mulai dari 1 Januari 2019 hingga 30 Oktober 2019. Syarikat DEF perlu mengemukakan penyata SST-02A setiap bulan bermula dari bulan Februari 2019 hingga bulan November 2019.
5. **S : Nilai pertukaran mata wang yang manakah boleh dibuat rujukan semasa mengakaunkan cukai perkhidmatan?**
- J : Syarikat boleh menggunakan nilai jualan pertukaran wang asing seperti yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.
6. **S : Syarikat D Sdn Bhd adalah agen tunggal kepada pembekal perkhidmatan IT luar negara Fco. Fco melantik syarikat D untuk mengeluarkan invois keatas perkhidmatan IT yang diberi oleh Fco kepada pelanggan di Malaysia. Adakah perkhidmatan IT tersebut suatu perkhidmatan bercukai yang diimport, walaupun invois dikeluarkan di Malaysia?**
- J : Ya. Perkhidmatan IT tersebut adalah perkhidmatan bercukai yang diimport oleh kerana pemberi perkhidmtan FCo adalah diluar negara. Oleh yang demikian pelanggan Malaysia hendaklah mengakaun cukai perkhidmatan berdasarkan invois yang dikeluarkan di Malaysia oleh Syarikat D. Syarikat D hendaklah memaklumkan di dalam invois yang dikeluarkan kepada pelanggan di Malaysia untuk mengakaun cukai keatas perkhidmatan IT tersebut sebagai perkhidmatan yang diimport.
7. **S : SingCo di Singapura telah mendapatkan perkhidmatan penilaian ke atas satu bangunan di Putrajaya dari Consultant V dari Australia. Consultant V telah mengeluarkan invois kepada SingCo di Singapura atas perkhidmatan yang diberi. Adakah SingCo perlu mengakaun cukai perkhidmatan?**

J : SingCo tidak perlu mengakaun cukai perkhidmatan keatas perkhidmatan yang diberi oleh Consultant V. Ini adalah kerana SingCo bukanlah entiti yang menjalankan perniagaan di Malaysia.

PERTANYAAN

Sebarang panduan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 3 - 7, Blok A, Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Fax : 03-7806 7599
 - Email: ccc@customs.gov.my